


1100044962

Perpustakaan
Kolej Universiti Sains Dan Teknologi Malaysia (KUSTEM)

LI 11 FPE 1 2003



1100044962

Laporan akhir latihan industri di Majlis Perbandaran Kuala Terengganu (MPKT) / Norfaidah Awang.



PERPUSTAKAAN
KOLEJ UNIVERSITI SAINS & TEKNOLOGI MALAYSIA
21030 KUALA TERENGGANU

1100044962		

Lihat sebelah

HAK MILIK
PERPUSTAKAAN KUSTEM

Laporan ini adalah suatu laporan akademik yang hanya mengandungi pandangan dan pendapat pelajar yang berasaskan kepada teori dan pengalaman yang dipelajari semasa menjalani latihan industri semata-mata Fakulti Pengurusan dan Ekonomi (FPE). KUSTEM tidak terikat dengan isi kandungan laporan tersebut.

**LAPORAN AKHIR LATIHAN INDUSTRI DI
MAJLIS PERBANDARAN KUALA TERENGGANU (MPKT)**

OLEH

NORFAEIDAH BINTI AWANG

Sarjana Muda Pengurusan

(Polisi Dan Sekitaran Sosial)

Laporan Latihan Industri Diserahkan Kepada

Jabatan Ekologi Sosial

Jabatan Ekologi Sosial

Fakulti Pengurusan Dan Ekonomi

Kolej Universiti Sains Dan Teknologi Malaysia

(KUSTEM)

2003

1100044962

BUKU LAPORAN LATIHAN INDUSTRI

OLEH

NORFAEIDAH BINTI AWANG

(UK 6107)

Buku laporan ini dikemukakan kepada Jabatan Ekologi Sosial sebagai memenuhi sebahagian dari syarat penganugerahan pengijazahan Polisi Awam Dan Sekitaran Sosial

KOLEJ UNIVERSITI SAINS DAN TEKNOLOGI MALAYSIA

(KUSTEM)

PENGESAHAN KEASLIAN LAPORAN

Dengan ini saya Norfaedah Awang mengaku bahawa laporan Latihan Industri bagi Kursus PGN 4799 adalah hasil usaha saya sendiri. Segala bentuk penulisan yang terkandung dalam laporan ini adalah merupakan pandangan dan pendapat saya yang berasaskan kepada pengaplikasian teori dan pengalaman yang dipelajari semasa menjalani Latihan Industri semata-mata. Fakulti Pengurusan dan Ekonomi (FPE), KUSTEM tidak terikat dengan isi kandungan laporan tersebut.


Tandatangan,


.....

Nama: Norfaedah Awang

Tarikh : 28/07/2023

Disahkan oleh :


.....


Penyelia KUSTEM

b/p Pengerusi Latihan Industri

Fakulti Pengurusan dan Ekonomi

KUSTEM

LOGO MAJLIS PERBANDARAN KUALA TERENGGANU (MPKT)





Tel : 6203707 / 6203704 / 6203709

Rujukan Fail : Bil (120) dlm MPKTR 01/3-3/13 Pt.22
Bertarikh : 10 March 2003
Daripada : Pengarah
Jabatan Khidmat Pengurusan
Kepada : Penasihat Undang-Undang
Bhg. Undang-Undang dan Pendakwaan

Tuan,

**Latihan Amali Pelajar Daripada Kolej Universiti Sains Dan
Teknologi Terengganu (KUSTEM)
Sarjana Muda Sains(Polisi Awam Dan Sekitaran Sosial)**

Berhubung dengan perkara yang tersebut di atas, adalah dimaklumkan iaitu:-

Encik Mohd Mahizan bin Jusoh
Encik NorZulkhairi bin Ismail
Cik Nor Faedah binti Awang
Cik Nor Hayati binti Hassan

adalah penuntut daripada KUSTEM telah diberi kemudahan untuk menjalani latihan amali di Majlis ini mulai pada 10 Mac hingga 30 Mei 2003.

2. Tuan adalah diminta untuk memberi kerjasama kepada beliau bagi menjayakan latihan tersebut selama berada di jabatan tuan.

Sekian, dimaklumkan terima kasih.

**"MEMBANGUN MENURUT ISLAM'
"PERKHIDMATAN BERKUALITI TERUS TERUNGGUL"**

Saya yang menurut perintah

(WAN MOHD ANUAR BIN WAN ENDUT)
Bhg.Pentadbiran dan Pengurusan Sumber Manusia
b.p: Yang Dipertua
Majlis Perbandaran Kuala Terengganu

S.k
Encik Mohd Mahizan bin Jusoh
Encik NorZulkhairi bin Ismail
Cik Nor Faedah binti Awang
Cik Nor Hayati binti Hassan
Pembantu Tadbir (Perjawatan)
Pembantu Tadbir (Latihan & Kerjaya)
Fail Timbul



ISI KANDUNGAN

PERKARA	MUKA SURAT
BIODATA DIRI	i
PRAKATA	ii
PENGHARGAAN	iii
SENARAI JADUAL	iv
SENARAI RAJAH	v
ABSTRAK	vi
PENGENALAN	vii
OBJEKTIF LATIHAN INDUSTRI	viii
GERAK KERJA	x
BAB 1 LATAR BELAKANG MAJLIS PERBANDARAN	
 KUALA TERENGGANU (MPKT)	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Lokasi MPKT	3
1.3 Maklumat MPKT	4
1.3.1 : Senarai Nama Pegawai Kumpulan A MPKT	7
1.3.2 : Senarai Nama Ketua Jabatan	9
1.3.3 : Majlis Penasihat MPKT	14
1.4 Piagam Pelanggan	15

1.5	Logo MPKT	16
1.6	Objektif MPKT	17
1.7	Fungsi MPKT	17
1.8	Struktur Organisasi	18
1.9	Polisi MPKT	19
1.10	Bidang-Bidang Kuasa MPKT	20
1.11	Undang-Undang Yang Diterima Pakai MPKT	21
1.12	Perkhidmatan-Perkhidmatan MPKT	23
1.13	Anugerah Yang Diperolehi	26
1.14	Kekuatan Organisasi	27
1.15	Carta Organisasi	30
1.16	Kemahiran Yang Dipelajari	31

BAB 2 PENGENALPASTIAN MASALAH DAN CADANGAN MENGATASI

2.1	Pengenalan	33
2.2	Mengesan sistem sedia ada	33
2.3	Mengenalpasti Masalah	37
2.4	Pengalaman Baru Yang Diperolehi Di MPKT	41
2.5	Masalah Yang Dihadapi	42
2.6	Cadangan Terhadap Masalah Organisasi	43
2.7	Cadangan Latihan Industri	46

BAB 3

PENUTUP

48

RUJUKAN'

LAMPIRAN

PUSAT PEMBELAJARAN DIGITAL SULTANAH NUR ZAHIRAH

BIODATA DIRI



Nama : Norfaeidah Binti Awang

No. Matrik : UK 6107

Program : S.M.S. Polisi Awam Dan Sekitaran Sosial

Alamat : A-286 Jalan Fikri, Seberang Takir, 21300 Kuala Terengganu

No. Tel : 013-9574558

Nama Penyelia KUSTEM : Prof. Salleh Lebar

Nama Penyelia Industri : Wan Marahakim Wan Salleh

PRAKATA

Assalamualaikum w.b.t

Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat Ilahi dengan limpah kurnia-Nya dapat saya menyiapkan laporan akhir Latihan Industri di Majlis Perbandaran Kuala Terengganu (MPKT). Selawat diberikan kepada junjungan Nabi Muhammad S.A.W dan para pengikutnya. Terdapat pelbagai halangan dan rintangan yang terpaksa ditempuhi sepanjang menjalani Latihan Industri ini. Berkat usaha dan kesabaran serta dorongan yang diberikan oleh pelbagai pihak, saya dapat menyiapkan laporan sepertimana yang telah ditetapkan.

Latihan Industri merupakan salah satu syarat bagi memenuhi penganugerahan pengijazahan oleh setiap mahasiswa di KUSTEM mengikut program pengajian masing-masing. Latihan Industri telah dijalankan pada cuti semester yang lalu iaitu selama dua belas minggu bermula pada 10 Mac hingga 30 Mei 2003. Secara keseluruhan, buku laporan ini mengandungi pelbagai tugas-tugas yang telah dijalankan sepanjang tempoh Latihan Industri berlangsung di MPKT. Jangkamasa bagi menjalani Latihan Industri amat singkat, namun ia telah memberi pelbagai ilmu pengetahuan dan pengalaman yang berguna tentang alam pekerjaan selama tempoh tersebut.


Latihan Industri berkaitan dengan organisasi yang dipilih dan turut melibatkan tugas atau kerja yang telah diamanahkan untuk disiapkan. Melalui

laporan ini adalah diharapkan agar ia dijadikan sebagai rujukan dan panduan bagi mahasiswa sebelum melangkah ke alam pekerjaan yang sebenar. Kerjasama antara pihak MPKT dan KUSTEM akan bertambah erat di samping dapat memberi peluang kepada setiap mahasiswa menjalani Latihan Industri di MPKT.

Sekian, terima kasih.

Wassalam.

Disediakan oleh,



(NORFAEIDAH BINTI AWANG)

UK 6107

SARJANA MUDA SAINS POLISI AWAM DAN SEKITARAN SOSIAL

SENARAI JADUAL

Jadual 1 : Senarai Nama Pegawai-Pegawai Kumpulan A MPKT

2 : Senarai Nama Ketua Jabatan MPKT

3 : Anugerah Yang Diperolehi

SENARAI RAJAH

LOGO

CARTA

PUSAT PEMBELAJARAN DIGITAL SULTANAH NUR ZAHIRAH

ABSTRAK

Majlis Perbandaran Kuala Terengganu telah diisytiharkan oleh Pihak Berkuasa Negeri melalui Warta Kerajaan Bilangan 650 yang bertarikh pada 21 Disember 1978. Ianya diisytiharkan berpandukan kepada seksyen 3 Akta Kerajaan 1976, Akta 171. Namun begitu, ia telah diisytiharkan secara rasmi pada 18 Januari 1979 yang menguruskan pentadbiran di keluasan asal iaitu 18,712 hektar persegi yang meliputi 21 mukim. Ia merupakan hasil cantuman daripada lima Majlis Tempatan dalam Kuala Terengganu iaitu Jumaah Bandaran Kuala Terengganu, Majlis Mesyuarat Tempatan Kuala Terengganu, Utara, Barat, Tengah dan Selatan. Lokasi MPKT ialah berada di tengah bandar Kuala Terengganu yang penuh kesibukan. MPKT terletak berhampiran dengan pusat-pusat membeli-belah, institusi pendidikan, pusat pentadbiran, badan-badan kewangan dan hotel-hotel serta rumah tumpangan.

Dari segi kewangan, MPKT mendapat caruman dari Kerajaan Negeri bagi membiayai projek-projek pembangunan di bawah pengurusannya. Selain itu, punca utama MPKT ialah melalui cukai kadar atau cukai pintu, perkhidmatan dan bayaran, sewa, permohonan lesen dan lain-lain punca kewangan. Majlis Perbandaran Kuala Terengganu ditadbirkan oleh seorang Yang Dipertua dengan dibantu oleh Timbalan Yang Dipertua dan seorang Ketua Tadbir. Yang DiPertua MPKT merupakan salah seorang ahli dalam Majlis Mesyuarat Kerajaan yang juga berperanan sebagai Pengerusi Ahli Jawatankuasa Kerajaan Tempatan dan Perumahan.